



Ruj. Kami : SUKNS.700-16/10/4 (16)
Tarikh : 30 Mac 2023

SEMUA KETUA JABATAN NEGERI
SEMUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN
SEMUA BADAN BERKANUN NEGERI

YB. Dato'/ YAA. Dato'/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan

PEKELILING ICT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS, BILANGAN 1 TAHUN 2023 BAGI POLISI KESELAMATAN SIBER (PKS) PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN VERSI 1.0

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB. Dato'/ YAA. Dato'/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ tuan/ puan mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah mengeluarkan Pekeliling ICT Bilangan 1 Tahun 2023 iaitu Polisi Keselamatan Siber (PKS) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Versi 1.0. Polisi ini bertujuan untuk menerangkan kepada seluruh warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan, pembekal, pakar runding dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT serta tanggungjawab dan peranan mereka dalam melindungi aset ICT di ruang siber.

3. Sehubungan itu, pihak YB. Dato'/ YAA. Dato'/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ tuan/ puan adalah dimohon untuk mengambil perhatian tentang butiran keseluruhan yang terkandung di dalam Pekeliling tersebut serta memaklumkan kepada pegawai di bawah kawalan dan seliaan YB. Dato'/ YAA. Dato'/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ tuan/ puan berkenaan Pekeliling ini. Pekeliling ICT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Bilangan 1 Tahun 2023 ini juga boleh dimuat turun melalui Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan.

4. Bersama-sama ini disertakan Pekeliling ICT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Bilangan 1 Tahun 2023 untuk makluman, rujukan dan tindakan YB. Dato'/ YAA. Dato'/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ tuan/ puan selanjutnya.

Kerjasama dan keprihatinan YB. Dato'/ YAA. Dato'/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ tuan/ puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan teriima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AIDA NORA BT ISMAIL)

Unit Pengurusan Teknologi Maklumat
b.p. Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus

- s.k : i. Timbalan Setiausaha Kerajaan
(Pembangunan)
- ii. Timbalan Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan)



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEKELILING ICT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

BILANGAN 1 TAHUN 2023

POLISI KESELAMATAN SIBER (PKS) PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN VERSI 1.0

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai Polisi Keselamatan Siber (PKS) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan versi 1.0 iaitu mengandungi peraturan yang harus dibaca, difahami serta dipatuhi dalam menggunakan aset Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Polisi ini juga menerangkan kepada seluruh warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan, pembekal, pakar runding dan pihak yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan mengenai tanggungjawab dan peranan mereka dalam melindungi aset ICT di ruang siber.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Dokumen Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus Versi 1.0 telah disediakan pada Ogos 2005 selaras dengan penguatkuasaan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000 - Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan bertarikh 1 Oktober 2000. Dokumen ini telah dikemaskini kepada Versi 2.0 pada Oktober 2010 dan Versi 2.1 pada Mac 2015 manakala Versi 3.0 telah dikuatkuasakan pada 12 Februari 2019.

- 2.2 Pengemaskinian dan penjenamaan semula Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan kepada Polisi Keselamatan Siber (PKS) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan adalah untuk memastikan dasar sentiasa seiring dengan keperluan penguatkuasaan dan kawalan menyeluruh bagi melindungi aset ICT Kerajaan dengan berpandukan Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA) Versi 1.0 seperti mana yang dikeluarkan oleh MAMPU bertarikh 1 April 2016.
- 2.3 Polisi ini juga dibangunkan selaras dengan keperluan ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System* (ISMS) yang merupakan amalan terbaik ISO/IEC 27000 dan piawai antarabangsa dalam menetapkan keperluan secara berterusan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat mengikut konteks organisasi.
- 2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Sembilan (JPICNTS) Bil. 2/2022 pada 3 November 2022 yang lalu telah bersetuju untuk meluluskan polisi ini digunapakai dan menguatkuasakan kawalan-kawalan yang ditetapkan dalam Polisi Keselamatan Siber (PKS) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Versi 1.0.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Polisi Keselamatan Siber ini diwujudkan untuk menjamin kesinambungan urusan pentadbiran dalam penyampaian perkhidmatan dengan meminimumkan impak insiden keselamatan siber serta bertujuan untuk menyediakan kemudahan perkongsian maklumat yang selamat bagi memenuhi keperluan operasi pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan

3.2 Objektif utama polisi ini adalah seperti berikut:

- 3.2.1 memastikan keselamatan penyampaian perkhidmatan pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan di tahap tertinggi sekali gus meningkatkan tahap keyakinan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, industri dan orang awam.
- 3.2.2 memastikan kelancaran operasi pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dengan meminimumkan kerosakan atau kemusnahan disebabkan oleh insiden yang berlaku.
- 3.2.3 melindungi kepentingan pihak-pihak yang bergantung kepada sistem maklumat dari kesan kegagalan atau kelemahan yang melibatkan kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan, kesahihan maklumat dan komunikasi.
- 3.2.4 mencegah salah guna atau kecurian aset ICT Kerajaan.
- 3.2.5 menyediakan ruang bagi penambahbaikan berterusan kepada pengurusan keselamatan dan pentadbiran ICT.

4. BIDANG KAWALAN

Terdapat 14 bidang keselamatan yang merujuk kepada Annex A dalam piawaian ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System* (ISMS) seperti berikut:

BIDANG	TAJUK
i.	Polisi Keselamatan Maklumat
ii.	Organisasi Keselamatan Maklumat
iii.	Keselamatan Sumber Manusia
iv.	Pengurusan Aset
v.	Kawalan Capaian
vi.	Kriptografi
vii.	Keselamatan Fizikal dan Persekitaran
viii.	Keselamatan Operasi
ix.	Keselamatan Komunikasi
x.	Perolehan, Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem
xi.	Hubungan Pihak Luaran
xii.	Pengurusan Insiden Keselamatan Maklumat
xiii.	Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan
xiv.	Pematuhan

5. IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN

Ketidakpatuhan terhadap Polisi Keselamatan Siber (PKS) akan menjejaskan pengurusan *Information Security Management System* (ISMS) PSUKNS dan kawalan keselamatan ICT di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

6. PEMAKAIAN

Polisi Keselamatan Siber (PKS) ini terpakai kepada semua warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dan Pihak Luaran yang mempunyai urusan dengan perkhidmatan ICT Kerajaan Negeri Sembilan.

7. TANGGUNGJAWAB JABATAN/BAHAGIAN/UNIT

Semua warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dan Pihak Luaran di Jabatan/ Bahagian/ Unit dikehendaki membaca, memahami dan akur akan peruntukan yang terkandung dalam Polisi Keselamatan Siber (PKS) ini.

8. SURAT AKUAN PEMATUHAN

Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pegawai dan kakitangan di Jabatan/Bahagian/Unit masing-masing untuk mematuhi Polisi Keselamatan Siber (PKS) dan melaksanakan pengesahan pematuhan dengan menandatangani Surat Akuan Pematuhan Polisi Keselamatan Siber Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Versi 1.0 seperti di **Lampiran 1**. Polisi Keselamatan Siber (PKS) ini boleh dimuat turun melalui Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan.

9. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Polisi Keselamatan Siber (PKS) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Versi 1.0 ini, Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Versi 3.0 bertarikh 12 Februari 2019 adalah terbatal.

10. TARIKH KUATKUASA

Polisi Keselamatan Siber (PKS) ini berkuatkuasa mulai tarikh dikeluarkan sehingga terdapat pindaan atau polisi baharu.

11. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkenaan Polisi Keselamatan Siber(PKS) tersebut bolehlah dikemukakan kepada:

Pengarah
Unit Pengurusan Teknologi Maklumat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Tingkat 3, Blok B, Wisma Negeri Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
No. Telefon : 06-7659011/ 06-7659720

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' MUHAMAD NAHAR BIN HAJI MOHD SIDEK)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

27 Mac 2023



**SURAT AKUAN PEMATUHAN
POLISI KESELAMATAN SIBER (PKS)
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
VERSI 1.0**

Nama (huruf besar) :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Jabatan/Agensi/Bahagian/Unit :

Adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya telah membaca, memahami dan akur akan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Polisi Keselamatan Siber (PKS) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan; dan
2. Jika saya ingkar kepada peruntukan-peruntukan yang ditetapkan, maka tindakan sewajarnya boleh diambil ke atas diri saya.

Tandatangan :

Tarikh :

Pengesahan

.....
Chief Digital Officer (CDO)/
Chief Information Officer (CIO)/
Ketua Jabatan